

Soalan No:13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 12.3.2018 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah statistik jenayah yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negara sejak sepanjang tahun 2017 dan sejauh manakah Kementerian melihat bahawa kurikulum Pendidikan Moral yang ada pada hari ini masih relevan dengan keadaan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM), jumlah kes salah laku murid yang berunsur jenayah bagi tahun 2017 ialah sebanyak 6,917 kes iaitu 5,934 kes di sekolah menengah dan 983 kes di sekolah rendah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan transformasi kurikulum Pendidikan Moral mulai tahun 2017 bermula dengan murid Tahun Satu dan Tingkatan Satu iaitu melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) serta Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Kurikulum baharu ini dapat melahirkan murid yang

23

mempunyai nilai sebagai seorang warganegara yang baik, mengetahui apa yang betul dan salah serta dapat menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian hidup bermasyarakat. Melalui mata pelajaran Pendidikan Moral, murid diberi penekanan tentang kebolehan menaakul dalam situasi yang kabur dan berkonflik nilai bagi mengenal pasti perlakuan yang baik atau perlakuan yang salah di sisi undang-undang seperti perlakuan jenayah. Murid juga dididik menggunakan keupayaan mental bagi menyelesaikan masalah atau isu-isu moral yang dihadapi oleh mereka sebagai seorang remaja.

Transformasi kurikulum yang dilaksanakan oleh KPM dari masa ke semasa menjadikan mata pelajaran Pendidikan Moral ini masih relevan untuk diguna pakai oleh murid sejajar dengan kehendak kurikulum Abad ke-21 iaitu berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir, kerja pasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang, prihatin dan patriotik.